



JABATAN BENDAHARI (KAMPUS KL) • BURSAR DEPARTMENT (KL CAMPUS)

Rujukan : UKM KKL. 20/ 224/ 2/ 4 JLD 6
Tarikh : 29 November 2019

SURAT EDARAN BENDAHARI (KKL) BIL. 8/ 2019

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Hospital/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Kampus Kuala Lumpur
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN KEMUDAHAN BANTUAN DI BAWAH TABUNG EHSAN WARGA KAMPUS KUALA LUMPUR


Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Mesyuarat Tabung Ehsan Warga Kampus KL Bil. 2/ 2019 bertarikh 22 Oktober 2019 adalah berkaitan.

Dimaklumkan bahawa pengurusan Tabung Ehsan Warga Kampus KL telah bersetuju memberikan kemudahan bantuan kepada kakitangan KKL yang terdiri daripada :-

1. Bantuan Khairat Kematian (Pasangan/ Anak)
2. Bantuan Bencana Alam
3. Bantuan Kesihatan
4. Bantuan Wang Khas
5. Bantuan Kemasukan Wad (Baucar)

Borang Permohonan Bantuan Tabung Ehsan Warga Kampus KL boleh dicetak melalui laman sesawang Pro Naib Canselor di www.ukm.my/provckl atau Jabatan Bendahari Kampus KL di www.ppukm.ukm.my/kewangan. Sehubungan itu, mohon kerjasama semua kakitangan yang membuat permohonan menyemak samada memenuhi semua syarat-syarat yang dinyatakan bagi memastikan proses permohonan berjalan dengan lancar.

Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.



MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS01547

JABATAN BENDAHARI KAMPUS KL

Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak,
56000 Cheras, Kuala Lumpur

Telefon: +603 – 9145 5240 / 5242 / 5197 Faksimili: +603 – 9145 5186 Laman Web: <http://www.ppukm.ukm.my/jkew>


Yang benar,

WAN OMI BINTI HJ. WAN YUSSOP

Timbalan Pengarah (Kewangan)

Jabatan Bendahari (Kampus Kuala Lumpur)

- s.k
- Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur), UKM
 - Dekan Fakulti Perubatan
 - Dekan Fakulti Sains Kesihatan
 - Dekan Fakulti Pergigian
 - Dekan Fakulti Farmasi
 - Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz, UKM
 - Pengarah Hospital Pakar Kanak-kanak, UKM
 - Pengetua Kolej Tun Syed Nasir
 - Pengetua Kolej Tun Dr. Ismail



MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS01547

JABATAN BENDAHARI KAMPUS KL

Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak,
56000 Cheras, Kuala Lumpur

Telefon: +603 – 9145 5240 / 5242 / 5197 Faksimili: +603 – 9145 5186 Laman Web: <http://www.ppukm.ukm.my/jkew>


1. BANTUAN KHAIRAT KEMATIAN

- a. Bantuan Khairat Kematian ini diberikan kepada **pasangan dan anak** kakitangan UKM (Kampus KL) yang berstatus **tetap dan kontrak** sahaja dan masih dalam perkhidmatan.
- b. Jumlah sumbangan adalah sebanyak RM1,000.00.
- c. Syarat kelayakan dan keperluan dokumen pembuktian seperti dibawah :

Kelayakan	Pembuktian
Pasangan (Suami/ Isteri) yang sah	Salinan Sijil Nikah/ Kad Perakuan Nikah
Anak/ anak tiri/ anak angkat (berdaftar) berumur sehingga 18 tahun dan sekiranya masih bersekolah sehingga berumur 21 tahun.	Salinan Sijil Lahir/ Kad Pengenalan/ Pengesahan Tempat Belajar
Tiada had umur bagi anak Orang Kelainan Upaya (OKU) yang masih dibawah tanggungan.	Salinan Kad OKU

- d. Dokumen penting yang perlu dikemukakan semasa permohonan :-
 - i. Borang permohonan yang lengkap berserta kelulusan Timbalan Pengarah (Pentadbiran)/ Timbalan Pengarah (Kewangan), Kampus KL.
 - ii. Salinan dokumen pembuktian hubungan.
 - iii. Salinan Sijil Kematian
- e. Borang lengkap hendaklah diserahkan ke Bahagian Pentadbiran & Khas Kontrak, Jabatan Bendahari, Kampus KL.


CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN



2. BANTUAN BENCANA ALAM

- a. Bantuan Bencana Alam adalah bantuan yang diberikan kepada kakitangan yang mengalami kerosakan rumah atau perabot disebabkan oleh bencana alam (banjir, ribut, gempa bumi, tanah runtuh, tsunami, kebakaran).
- b. Jumlah sumbangan adalah sebanyak RM500.00 sekali setahun.
- c. Syarat Permohonan Bantuan Bencana Alam adalah seperti berikut:-
 - i. Pemohon adalah **kakitangan UKM (Kampus KL) berstatus tetap/ kontrak**.
 - ii. Tertakluk kepada **rumah yang didiami/ masih menginap**.
 - iii. Bantuan dipohon pada tahun semasa kejadian bencana alam berlaku.
- d. Dokumen penting yang perlu dikemukakan semasa permohonan :-
 - i. Borang permohonan yang lengkap berserta kelulusan Ketua Jabatan/ Ketua Pusat berkenaan.
 - ii. Laporan polis/ bomba/ pengesahan Pengerusi Jawatankuasa Penduduk/ Ketua Kampung yang berkaitan dengan bencana ini.
 - iii. Gambar kerosakan rumah dan perabot.
- e. Dokumen lengkap hendaklah diserahkan ke Bahagian Pengurusan Bayaran (Kakitangan), Jabatan Bendahari, Kampus KL.


CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN



3. BANTUAN KESIHATAN

- a. Bantuan Kesihatan adalah bantuan yang diberikan kepada pesakit yang mengidap **penyakit kanser, strok dan sakit buah pinggang** sahaja.
- b. Jumlah sumbangan adalah sebanyak RM200.00 sahaja sekali pada tahun penyakit didiagnosis.
- c. Permohonan kedua boleh dibuat bagi penyakit yang berlainan (daripada 3 kategori di atas) dalam tahun yang sama.
- d. Syarat Permohonan Bantuan Bencana Kesihatan adalah seperti berikut:-
 - i. Pemohon adalah **kakitangan UKM (Kampus KL) berstatus tetap/ kontrak**.
 - ii. Permohonan hendaklah **dibuat untuk tahun semasa** sahaja.
- e. Dokumen penting yang perlu dikemukakan semasa permohonan:-
 - i. Borang permohonan yang lengkap berserta kelulusan Ketua Jabatan/ Ketua Pusat yang berkenaan.
 - ii. Laporan kesihatan daripada pegawai perubatan/ Borang Kemasukan Wad.
- f. Dokumen lengkap hendaklah diserahkan ke Bahagian Pengurusan Bayaran (Kakitangan), Jabatan Bendahari, Kampus KL.


CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN



4. BANTUAN WANG KHAS

- a. Bantuan Wang Khas adalah bantuan kepada kakitangan yang ditimpa musibah selain yang telah dinyatakan seperti rompakan, kecurian dan kehilangan wang.
- b. Jumlah sumbangan adalah sebanyak RM100.00 sahaja sekali setahun.
- c. Syarat permohonan Bantuan Wang Khas adalah seperti berikut:-
 - i. Pemohon adalah **kakitangan UKM (Kampus KL) berstatus tetap / kontrak**.
- d. Dokumen penting yang perlu dikemukakan semasa permohonan:-
 - i. Borang permohonan yang lengkap berserta kelulusan Ketua Jabatan/ Ketua Pusat berkenaan.
 - ii. Salinan Laporan Polis/ Jabatan Keselamatan Kampus KL.
- e. Bantuan ini diberi kepada pemohon dan tidak boleh diwakili orang lain untuk mengambil Bantuan Wang Khas tersebut.
- f. Dokumen lengkap hendaklah diserahkan ke Bahagian Pentadbiran & Khas Kontrak, Jabatan Bendahari, Kampus KL.

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN



5. BANTUAN KEMASUKAN WAD (BAUCAR)

- a. Kemudahan pemberian baucar ini adalah sebagai salah satu bantuan yang diberikan kepada kakitangan Kampus KL dalam bentuk pemberian baucar bernilai RM50.00 untuk sekali setahun.
- b. Syarat penerima pemberian baucar adalah seperti berikut:-
 - i. **Kakitangan UKM (Kampus KL) berstatus tetap / kontrak bagi gred 56 dan ke bawah.**
 - ii. Tertakluk kepada kemasukan wad di Hospital Canselor Tuanku Muhriz sahaja.
 - iii. Bagi kemasukan wad (bersalin), kelayakan pada kelahiran anak pertama kali di Hospital Canselor Tuanku Muhriz.
- c. Urusan pemberian baucar akan dikendalikan oleh Pusat Jaringan, Komunikasi Korporat dan Teknopolis Kesihatan, Kampus KL.

BORANG PERMOHONAN BANTUAN TABUNG EHSAN WARGA KAMPUS KL

MAKLUMAT PEMOHON

Nama Penuh			
No. UKM Per		Jabatan/Fakulti	
Alamat Rumah (tetap)			
No. Telefon (Pejabat)		No. Telefon (Bimbit)	
Emel			
Jenis Permohonan	<input type="checkbox"/> Bantuan Bencana Alam	<input type="checkbox"/> Bantuan Kesihatan	<input type="checkbox"/> Bantuan Khairat Kematian (Pasangan/Anak)
Justifikasi Permohonan			

PERAKUAN PEMOHON

Saya memperakui bahawa semua butiran di atas serta setiap dokumen yang dilampirkan adalah benar.

(Tanda Tangan dan Cop)

Tarikh

KELULUSAN PERMOHONAN BANTUAN TABUNG

Saya _____ No.UKM(PER) _____ akui maklumat yang dicatatkan di atas adalah benar . Adalah disahkan bahawa pemohon layak diberi sumbangan .

(Tanda Tangan dan Cop)

Tarikh

Nota :

- 1.Bantuan Khairat Kematian hendaklah mendapat kelulusan Timb. Pengarah (Pentadbiran) atau Timb. Pengarah (Kewangan) Kampus KL.
- 2.Bantuan Wang Khas/Kesihatan/Bencana alam hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pusat Tanggungjawab(PTJ) masing-masing.

BIL.	JENIS BANTUAN/ KADAR	SYARAT PERMOHONAN	PEMBUKTIAN DOKUMEN	KELULUSAN	SERAHAN DOKUMEN
1.	Khairat Kematian (pasangan/ anak) Kadar: RM1,000.00	1. Pasangan (suami/ isteri) yang sah bagi kakitangan tetap/kontrak. 2. Anak/ anak tiri/ anak angkat (berdaftar) berumur sehingga 18 tahun dan sekiranya masih belajar, sehingga berumur 21 Tahun. 3. Orang Kelainan Upaya (OKU) yang dibawah tanggungan.	1. Salinan Sijil Kematian. 2. Salinan Sijil Nikah/ Kad Perakuan Nikah. 3. Salinan Sijil Lahir/ Kad Pengenalan/ Pengesahan tempat Belajar 4. Salinan Kad OKU	1. Timb. Pengarah (Pentadbiran) KKL atau 2. Timb. Pengarah (Kewangan) KKL	Bahagian Pentadbiran Dan Khas Kontrak, JBend (KKL), Tingkat 1, Blok Pendidikan.
2.	Wang Khas Kadar: RM100.00/ sekali setahun	1. Kakitangan tetap/ kontrak. 2. Kakitangan yang mengalami musibah selain daripada yang dinyatakan seperti rompakan, kecurian, kehilangan wang.	1. Borang permohonan lengkap beserta kelulusan Ketua Pusat TanggungJawab (PTJ) berkenaan.	Ketua Pusat TanggungJawab (PTJ) berkenaan	
3.	Kesihatan Kadar: RM200.00/ sekali pada tahun didiagnosis	1. Kakitangan tetap/ kontrak. 2. Mengidap penyakit kanser, strok dan sakit buah pinggang sahaja. 3. Permohonan kedua boleh dibuat bagi penyakit yang berlainan. 4. Permohonan hendaklah dibuat pada tahun semasa sahaja.	1. Laporan kesihatan daripada pegawai perubatan / Borang Kemasukan Wad.	Ketua Pusat TanggungJawab (PTJ) berkenaan	Bahagian Pengurusan Bayaran (kakitangan), JBend (KKL), Tingkat 1, Blok Pendidikan.
4.	Bencana Alam Kadar: RM500.00/ sekali setahun	1. Kakitangan tetap/ kontrak. 2. Rumah yang didiami / menginap. 3. Permohonan pada tahun semasa bencana alam berlaku.	1. Laporan polis/bomba/Pengesahan pengerusi Jawatankuasa Penduduk / Ketua Kampung yang berkaitan dengan bencana ini. 2. Gambar kerosakan rumah dan perabot.		

Aliran Proses Permohonan :

